



INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA

IKLAN PENGAMBILAN PEGAWAI PENYELIDIK GRED 9

Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kementerian Luar Negeri Malaysia ingin mempelawa **warganegara Malaysia** yang berkeelayakan bagi mengisi kekosongan **Pegawai Penyelidik Gred 9** bagi jawatan seperti berikut:

A. MAKLUMAT JAWATAN

BILANGAN PENGAMBILAN	:	SATU (1) JAWATAN
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM : RM2,250.00 GAJI MAKSIMUM : RM11,110.00 KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM225.00
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK PERKHIDMATAN (COS)
PENEMPATAN	:	INSTITUT DIPLOMASI DAN HUBUNGAN LUAR NEGERI, KUALA LUMPUR
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

B. SYARAT LANTIKAN

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari dua puluh dua (22) tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh Kerajaan;
4. Syarat Bahasa Melayu – memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
5. Mempunyai kemahiran menggunakan perisian *Microsoft Office* dan perisian lain yang biasa digunakan untuk penyelidikan;
6. Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan Malaysian University English Test (MUET) Band 4 dan ke atas; dan
7. Calon fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris.

C. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D), memberi perkhidmatan kepakaran, latihan, khidmat perundangan dan penerbitan artikel dalam bidang yang berkaitan.

D. CARA MEMOHON

Calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan ke alamat e-mel **vacancy@idfr.gov.my** dengan tajuk **“Pegawai Penyelidik Gred 9”** dan mengemukakan dokumen seperti dibawah:

1. **Resume** lengkap berserta gambar berukuran pasport;
2. **Salinan kad pengenalan;**
3. **Salinan sijil kelahiran;**
4. **Salinan sijil berhenti sekolah;**
5. **Salinan sijil kelulusan akademik;**
6. **Salinan transkrip akademik; dan**
7. **Salinan sijil lain yang berkaitan.**

Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperaku sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Professional (Gred 9 dan ke atas).

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, sila hubungi pegawai di Unit Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan seperti berikut:

- | | |
|---------------------------------|---------------------------------------|
| 1. Puan Nur Fazlina Basiron | : 03-2149 1066
fazlina@idfr.gov.my |
| 2. Cik Nur Ainul Munazah Hassan | : 03-2149 1177
ainul@idfr.gov.my |

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Mei 2025 (Isnin)**.

F. CATATAN AM

1. Tarikh iklan ini dibuka adalah pada 13 Mei 2025 (Selasa);
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya; dan
3. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.